



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

---

**PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Bilangan 08 Tahun 2017**

**KEMUDAHAN CUTI BELAJAR UNTUK STAF  
(CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA / CUTI BELAJAR  
BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA DENGAN TAJAAN AGENSI LUAR / CUTI  
BELAJAR TANPA GAJI DENGAN TAJAAN AGENSI LUAR)**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan berkenaan kemudahan cuti belajar selain cuti belajar bergaji penuh dengan biasiswa (SLAB/SLAI, HLP dan lain-lain) yang diberikan kepada staf akademik dan pentadbiran (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) bagi melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

**LATAR BELAKANG**

2. Kemudahan cuti belajar dikategorikan kepada empat (4) jenis seperti berikut:
- i. Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (untuk staf akademik sahaja).
  - ii. Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Tajaan Agensi Luar.
  - iii. Cuti Belajar Tanpa Gaji Dengan Tajaan Agensi Luar.
  - iv. Cuti Belajar Bergaji Penuh Khas (Pensyarah Pelatih Perubatan dan Pergigian).
3. Kemudahan cuti belajar ini bagi melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Kedokteran, Sarjana Klinikal dan Sarjana.

4. Kemudahan Cuti Belajar diberikan kepada staf akademik dan pentadbiran UiTM (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) yang berpotensi tinggi untuk melanjutkan pelajaran tetapi tidak dipertimbangkan biasiswa di bawah SLAB/SLAI, Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan agensi pusat.
5. Jawatankuasa yang diberi kuasa untuk membuat keputusan kepada permohonan kemudahan cuti belajar adalah Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia (JKI-PKSM). Bahagian Kemajuan Kerjaya, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar bertindak sebagai urus setia.
6. Semakan syarat permohonan untuk semua kemudahan cuti belajar ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) yang ke-282 pada 13 Mac 2015 dan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia yang ke-8 pada 13 Januari 2017.

#### **SYARAT PERMOHONAN**

7. Syarat permohonan adalah seperti di lampiran.
  - i. **Lampiran 1:**  
Syarat Permohonan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa.
  - ii. **Lampiran 2:**  
Syarat permohonan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Tajaan Agensi Luar dan Cuti Belajar Tanpa Gaji.
  - iii. **Lampiran 3:**  
Syarat permohonan Cuti Belajar Bergaji Penuh Khas (Pensyarah Pelatih Perubatan dan Pergigian).
  - iv. **Lampiran 4:**  
Syarat permohonan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Tajaan Agensi Luar (Staf pentadbiran gred 41 dan ke atas).

## TATACARA PERMOHONAN

8. Permohonan yang lengkap hendaklah dimajukan kepada:

Ketua  
Bahagian Kemajuan Kerjaya (BKK)  
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia  
Pejabat Pendaftar  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
SELANGOR

9. Permohonan menggunakan borang permohonan yang boleh dimuat turun dari laman web Pejabat Pendaftar UiTM.

## TARIKH DIKELUARKAN


10. Pekeliling dikeluarkan pada 07 Februari 2017.

## TARIKH KUATKUASA

11. Pekeliling ini berkuatkuasa pada 13 Januari 2017.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Yang benar



**AZIDA AZMI**  
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:  
Semua Dekan-Dekan  
Semua Rektor-Rektor  
Semua ketua Bahagian/Unit

Bil. Fail : 100-BPD(PT. 6/3)  
No Siri : 100-BPD(Bil.08/2017)

*Lampiran..*

**SYARAT PERMOHONAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA STAF  
AKADEMIK UITM**

1. Telah disahkan ke dalam perkhidmatan.
2. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di UITM.
3. Umur tidak melebihi 49 tahun pada tarikh diluluskan CBBPTB dan memenuhi tempoh ikatan kontrak sebelum bersara.
4. Prestasi tahunan sekurang-kurangnya minima 80% bagi setiap tahun untuk tiga (3) tahun terkini.
5. Mengisi Borang Permohonan dan hendaklah disokong oleh Dekan Fakulti dan Rektor.
6. Memajukan satu salinan Surat Tawaran Pengajian.
7. Telah memulakan pengajian sekurang-kurangnya selama satu (1) tahun secara separuh masa.
8. Telah lulus *Defence of Research Proposal* daripada tempat pengajian.
9. Bidang pengajian memenuhi keperluan universiti dan mendapat kelulusan Jawatankuasa Akademik Fakulti.
10. Memajukan *Gantt Chart* yang merangka perkara-perkara yang dilaksanakan dalam tempoh yang dipohon.
11. Memajukan salinan *Research Proposal*.
12. Memajukan salinan sijil program PhD On-Time (POT) yang dianjurkan oleh pihak ILD:
  - PhD On-Time: *Pre-PhD Preparation*,
  - PhD On-Time: *PhD Preparation Research Methodology*
13. Memajukan laporan / surat dari penyelia menyatakan tahap pengajian terkini.
14. Melengkapkan Borang Pelepasan Untuk Melanjutkan Pengajian.
15. Tempat pengajian adalah di IPTA dalam negara.
16. Tidak pernah mendapat Biasiswa Staf Akademik atau kelulusan CBBPTB dalam peringkat yang sama.
17. Permohonan dimajukan sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum memulakan cuti belajar dan dihantar melalui fakulti.
18. Kos pengajian adalah atas pembiayaan sendiri.
19. Tempoh maksimum CBBPTB adalah 2 tahun tanpa pelanjutan tempoh pengajian.
20. Melengkapkan Borang Perjanjian (4 salinan) yang telah dimatikan setem dan Borang penjamin (2 salinan).

**SYARAT PERMOHONAN UNTUK CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH / CUTI BELAJAR TANPA  
GAJI DENGAN TAJAAN AGENSI LUAR  
STAF AKADEMIK UiTM**

1. Telah disahkan ke dalam perkhidmatan.
2. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di UiTM.
3. Umur tidak melebihi 49 tahun pada tarikh diluluskan CBBPTB dan memenuhi tempoh ikatan kontrak sebelum bersara.
4. Prestasi tahunan sekurang-kurangnya minima 80% bagi setiap tahun untuk tiga (3) tahun terkini.
5. Mengisi Borang Permohonan dan hendaklah disokong oleh Dekan Fakulti dan Rektor.
6. Memajukan satu salinan Surat Tawaran Pengajian Sepenuh Masa.
7. Permohonan untuk peringkat Sarjana atau Ijazah kedoktoran dan belum memulakan pengajian.
8. Mendapat tajaan agensi luar bagi melanjutkan pengajian. Sertakan Salinan surat tawaran tajaan berserta maklumat terperinci tawaran penajaan. CBTG akan diberi sekiranya ia merupakan syarat dari penaja.
9. Telah lulus kursus BTN bagi melanjutkan pengajian ke luar negara.
10. Bidang pengajian memenuhi keperluan universiti dan mendapat kelulusan Jawatankuasa Akademik Fakulti.
11. Memajukan *Research Proposal* dan *Gantt Chart* yang merangka perkara-perkara yang dilaksanakan dalam tempoh yang dipohon.
12. Memajukan salinan sijil program PhD On-Time (POT) yang dianjurkan oleh pihak ILD:
  - PhD On-Time: *Pre-PhD Preparation*,
  - PhD On-Time: *PhD Preparation Research Methodology*
13. Melengkapkan Borang Pelepasan Untuk Melanjutkan Pengajian.
14. Tempat pengajian adalah di dalam dan luar negara dan memenuhi syarat penaja.
15. Tidak pernah mendapat Biasiswa Staf Akademik atau kelulusan CBBPTB dalam peringkat yang sama.
16. Permohonan dimajukan sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum memulakan cuti belajar dan dihantar melalui fakulti.
17. Tempoh maksimum CBBPTAL adalah dua (2) hingga empat (4) tahun tanpa pelanjutan tempoh pengajian. Kelulusan tertakluk kepada surat tawaran tempat pengajian dan juga tempoh tajaan diterima.
18. Melengkapkan Borang Perjanjian (4 salinan) yang telah dimatikan setem dan Borang penjamin (2 salinan).

**SYARAT PERMOHONAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH KHAS  
(PENSYARAH PELATIH PERUBATAN DAN PERGIGIAN )**

1. Telah mendaftar sebagai staf UiTM.
2. Umur tidak melebihi 49 tahun pada tarikh diluluskan CBBPTB dan memenuhi tempoh ikatan kontrak sebelum bersara.
3. Mengisi borang permohonan dan hendaklah disokong oleh Dekan Fakulti.
4. Memajukan satu salinan Surat Tawaran Pengajian Sepenuh Masa.
5. Memajukan satu Salinan surat tawaran sebagai Pensyarah Pelatih.
6. Permohonan untuk peringkat Sarjana atau Sarjana Klinikal dan belum memulakan pengajian.
7. Sertakan salinan surat tawaran tajaan berserta maklumat terperinci tawaran penajaan sekiranya mendapat tajaan agensi luar bagi melanjutkan pengajian.
8. Telah lulus kursus BTN bagi melanjutkan pengajian ke luar negara.
9. Bidang pengajian mengikut surat tawaran jawatan Pensyarah Pelatih.
10. Melengkapkan Borang Pelepasan Untuk Melanjutkan Pengajian.
11. Tempat pengajian adalah di dalam dan luar negara dan memenuhi syarat penaja.
12. Tidak pernah mendapat Biasiswa Staf Akademik atau kelulusan CBBPTB dalam peringkat yang sama.
13. Permohonan dimajukan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum memulakan cuti belajar dan dihantar melalui fakulti.
14. Tempoh maksimum CBBPTB/CBBPTAL adalah dua (2) hingga empat (4) tahun tanpa pelanjutan tempoh pengajian. Kelulusan tertakluk kepada surat tawaran tempat pengajian dan juga tempoh tajaan diterima.
15. Melengkapkan Borang Perjanjian (4 salinan) yang telah dimatikan setem dan Borang penjamin (2 salinan).

**SYARAT PERMOHONAN UNTUK CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH / CUTI TANPA GAJI DENGAN TAJAAN AGENSI LUAR STAF PENTADBIRAN UiTM (GRED 41 DAN KE ATAS)**

1. Telah disahkan ke dalam perkhidmatan.
2. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di UiTM.
3. Umur tidak melebihi 35 tahun (peringkat Sarjana) dan 43 tahun (peringkat PhD) pada tarikh diluluskan cuti belajar dan dapat memenuhi tempoh ikatan kontrak sebelum bersara.
4. Prestasi tahunan sekurang-kurangnya minima 80% bagi setiap tahun untuk tiga (3) tahun terkini.
5. Bebas daripada tindakan tatatertib.
6. Telah lulus kursus BTN bagi melanjutkan pengajian ke luar negara.
7. Tempoh maksimum CBBPTAL adalah:
  - Sarjana: tidak melebihi 24 bulan (tanpa pelanjutan tempoh pengajian)
  - PhD: tidak melebihi 36 bulan (tanpa pelanjutan tempoh pengajian)
8. Bidang pengajian memenuhi keperluan universiti dan mendapat kelulusan Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia.
9. Tempat pengajian adalah di dalam atau luar negara dan hendaklah memenuhi syarat penaja.
10. Mendapat penajaan agensi luar yang tidak mempunyai apa-apa ikatan perjanjian bagi melanjutkan pengajian. Sertakan salinan surat tawaran tajaan berserta maklumat terperinci tawaran penajaan. CBTG akan diberi sekiranya ia merupakan syarat dari penaja.
11. Mengisi Borang Permohonan dan hendaklah disokong oleh Dekan Fakulti/ Rektor Kampus/ Ketua Skim Perkhidmatan/ Ketua Jabatan.
12. Memajukan satu salinan Surat Tawaran Pengajian Sepenuh Masa.
13. Memajukan *Research Proposal* dan *Gantt Chart* yang merangka perkara-perkara yang dilaksanakan dalam tempoh yang dipohon.
14. Mengemukakan laporan pengajian daripada Penyelia mengenai tahap pengajian terkini (jika sedang mengikuti pengajian).
15. Memajukan Borang Pengesahan Pembentangan Rancangan Penyelidikan (bagi pengajian peringkat PhD dan Sarjana secara penyelidikan)
16. Memajukan salinan sijil program PhD On-Time (POT) yang dianjurkan oleh pihak ILD (jika ada):
  - PhD On-Time: *Pre-PhD Preparation*,
  - PhD On-Time: *PhD Preparation Research Methodology*
17. Melengkapkan Borang Pelepasan Untuk Melanjutkan Pengajian.
18. Permohonan dimajukan sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum memulakan cuti belajar dan dihantar melalui Pusat Tanggungjawab (PTJ).
19. Melengkapkan Borang Perjanjian (4 salinan) yang telah dimatikan setem dan Borang penjamin (2 salinan).